

DATE: 12 / 8 / 2009

TuanKu Bainun mahu UPSI kekal kualiti

TANJUNG MALIM: Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, (UPSI), Raja Permaisuri Perak, TuanKu Bainun mahu UPSI yang sudah melahirkan ramai graduan dalam bidang pendidikan terus mengekalkan kualiti di samping mengejar kuantiti.

Baginda bertitah, kualiti penting supaya setiap graduan yang dihasilkan UPSI benar-benar layak dan tidak diragui majikan.

Titah baginda, sesebuah universiti menjadi hebat bukan kerana rupa bentuk bangunannya tetapi kerana keberkesanan dan keberhasilan modal insan yang mengajar, mentadbir, menggerak dan memimpin universiti itu.

"Beta ingin menasihatkan bakal guru yang memiliki ijazah pertama supaya terus belajar walaupun sesudah bekerja. Jangan kita bersikap berpuas hati dengan ijazah pertama saja.

"Beta berharap Fakulti Pascasiswazah UPSI dapat diperkembangkan dari segi kemudahan dan tenaga pe-



TUANKU Bainun menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi sempena konvokesyen UPSI, semalam.

ngajar yang berpengalaman untuk menerima lebih ramai guru berijazah untuk mengikuti program sarjana dan PhD," titah baginda ketika berucap pada Konvokesyen UPSI Ke-11 di sini, semalam.

Sempena konvokesyen UPSI kali ini, 2,894 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Ijazah Sarjana Pendidikan (107), Ijazah Doktor Falsafah (empat).